

07 MAR 1999

Ibrahim-Hero

JANGAN CUBA AMBIL KESEMPATAN DENGAN KES RAHIM NOOR

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali hari ini membidas pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan terhadap pengakuan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menonjol-nonjolkan diri sebagai "hero" atau pembela keadilan.

Beliau berkata golongan itu hanya cuba menonjolkan diri dengan membuat kenyataan mengecam Rahim sungguhpun mereka tahu keadilan telah dilaksanakan dengan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat kes kecederaan Anwar ketika dalam tahanan polis.

"Rakyat tidak perlu bimbang atau mencurigai kewibawaan institusi kepolisian di negara ini kerana jelas daripada pengakuan Rahim kepada suruhanjaya itu bahawa tindakannya itu adalah berbentuk peribadi dan bukan mencerminkan pasukan polis secara keseluruhannya," katanya kepada Bernama di sini.

Ibrahim mengulas tindakan bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang terlibat dalam gerakan reformasi Abdul Malek Hussin yang membuat laporan polis terhadap Rahim bagi membolehkan polis menjalankan siasatan terhadap Rahim dan mengambil tindakan undang-undang.

"Semua orang boleh membuat laporan polis, tetapi dalam kes ini tunggulah Suruhanjaya Diraja yang menyiasat kes itu mengemukakan cadangannya mengenai bentuk tindakan yang harus diambil terhadap Rahim kepada Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Ibrahim berkata walaupun beliau kesal dengan perbuatan Rahim memukul Anwar ketika dalam tahanan polis, namun sikap berani Rahim untuk mengaku dan memikul tanggungjawab sepenuhnya harus difikirkan oleh semua pihak.

Beliau berkata penubuhan Suruhanjaya Diraja membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa bersikap terbuka serta telus dan berpegang kepada prinsip bahawa tiada sesiapa yang mengatasi undang-undang.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyatakan bahawa Pas bertanding dalam pilihan raya negeri Sabah hanyalah untuk berdakwah, Ibrahim yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno menyifatkan kenyataan itu sebagai "nakal" dan tidak ikhlas.

"Kalau nak berdakwah tak perlu tunggu pilihan raya, malahan kesemua kawasan di mana Pas meletakkan calon bukan mempunyai majoriti Bumiputera Islam," katanya.

Minggu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas bertanding di Sabah adalah semata-mata untuk memecah undi masyarakat Islam bagi memberi kemenangan kepada parti pembangkang terutamanya Parti Bersatu Sabah (PBS).

-- BERNAMA

AKT LAT